



## SIARAN MEDIA

---

### **STEM SHOWCASE '23 SEMPENA KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG SOKONG USAHA MEMBUDAYAKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) DALAM KEHIDUPAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PULAU PINANG, 25 Ogos 2023** – Penganjuran **STEM Showcase '23** sempena **Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2023** peringkat **Negeri Pulau Pinang** menyaksikan sinergi antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Tech Dome Penang dalam melaksanakan inisiatif pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Program yang mendapat sambutan ramai bertempat di Sekolah Tinggi Han Chiang, Pulau Pinang telah dirasmikan oleh **YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang**. Program ini telah berjaya menarik minat lebih **10,000 penyertaan** daripada komuniti setempat yang terdiri daripada pelajar sekolah, penuntut institusi pendidikan tinggi serta orang awam.

YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang di dalam ucapannya menyatakan “Kerajaan Negeri melalui insititusi-institusi berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik atau STEM iaitu *Tech Dome Penang, Penang STEM, Penang Math Platform, Penang Skills Development Centre (PSDC)* dan *Penang Digital Library* telah mempergiatkan usaha dalam menyediakan peluang pembelajaran teknikal serta akademik dalam bidang berkenaan untuk para pelajar mahupun dewasa”.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga komited dalam menangani isu kekurangan bakat apabila menetapkan sasaran untuk melatih sekurang-kurangnya 20,000 peserta dalam bidang STEM atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional iaitu TVET sebagaimana disasarkan di dalam gagasan Visi Penang2030 bagi memenuhi keperluan pihak industri dan seterusnya memacu pertumbuhan negeri Pulau Pinang secara menyeluruh.

**YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** yang turut hadir menyatakan “Program Minggu Sains Negara merupakan salah satu usaha MOSTI menawarkan pendidikan secara tidak formal di luar bilik darjah untuk meningkatkan minat murid terhadap aliran STEM di samping memberi lebih banyak pendedahan berkaitan pelajaran STEM dalam kehidupan seharian. Usaha ini diharap akan dapat meningkatkan kembali penglibatan para pelajar dalam aliran STEM dalam jangka masa panjang bagi mencapai misi negara berteknologi tinggi”.

YB Chang turut menyatakan bahawa MOSTI komited untuk terus memperkukuhkan kerjasama erat bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang melalui inisiatif berteraskan STI. Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan STI di Malaysia.

Penganjuran STEM Showcase '23 bersempena dengan MSN peringkat Negeri Pulau Pinang ini dilihat sebagai salah satu usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyokong inisiatif MOSTI dalam merealisasikan pembudayaan STI dengan memfokuskan kepada pembangunan bakat sains, teknologi dan inovasi berkualiti.

Pelbagai pengisian program disusun kemas supaya dapat menarik minat pelajar sekolah rendah dan menengah untuk memilih jurusan dalam bidang berkaitan STI. Antarai aktiviti menarik berteraskan STI disediakan sepanjang tempoh 2 hari program ini berlangsung, ialah aktiviti *hands-on* seperti Pencerapan Solar, *Drone Challenge*, Pertunjukan Sains Interaktif, Aktiviti Robotik, DIY Roket STEM, Planet *Virtual Reality* dan *Pocket Talk* STI.

Pada majlis yang sama, YAB Chow dan YB Chang turut menyaksikan acara “TechXcellence” yang merupakan sebuah program perkongsian antara Sektor Awam-Swasta melibatkan sektor industri di Pulau Pinang dalam mempamerkan teknologi masing-masing bertempat di Tech Dome Penang.

Program **STEM Showcase '23** sempena **Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2023** peringkat **Negeri Pulau Pinang** telah dilaksanakan dengan jayanya dan diharapkan dapat memberi impak yang signifikan kepada semua pengunjung. Kerjasama yang erat yang terjalin di antara pihak MOSTI dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diharapkan dapat membuahkan hasil dalam membangunkan bakat-bakat berkualiti terutamanya dalam bidang STI di Malaysia.

Turut hadir bersama ialah **YB Tuan Lim Guan Eng**, Adun Air Putih merangkap mantan Ketua Menteri Pulau Pinang dan **YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Dato' Seri Utama Karpal Singh**, Timbalan Ketua Menteri II merangkap EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi,

Untuk maklumat lanjut mengenai Minggu Sains Negara dijemput untuk melayari laman web rasmi [minggusainsnegara.mosti.gov.my](http://minggusainsnegara.mosti.gov.my)

**# TAMAT #**

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI &  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
25 OGOS 2023**